

Literasi dan Kesedaran Belia Selangor terhadap Pengawasan dan Penapisan Siber Kerajaan

Literacy and Awareness of the Selangor Youth towards Government Cyber Surveillance and Censorship

Aprina Oskar & Norhafiza Mohd Hed*

Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Email: norhafiza@fsk.upsi.edu.my

Published: 15 December 2023

To cite this article (APA): Oskar, A., & Mohd Hed, N. (2023). Literasi dan Kesedaran Belia Selangor terhadap Pengawasan dan Penapisan Siber Kerajaan. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 15, 1–15. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.sp.1.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.sp.1.2023>

Abstrak

Keselamatan siber telah menjadi komponen penting dalam strategi pertahanan banyak negara termasuk Malaysia. Salah satu mekanisme yang digunakan oleh kerajaan untuk memastikan keselamatan siber adalah dengan meningkatkan pengawasan dan penapisan siber dengan cara menyekat laman sesawang kritikal, memantau akaun-akaun media sosial dan mengenakan penalti jenayah terhadap mereka yang mengganggu atau memberi ancaman kepada pengguna lain dalam talian. Oleh itu, kajian ini bertujuan menganalisis tahap literasi dan kesedaran belia di Selangor terhadap pengawasan dan penapisan siber yang dilaksanakan kerajaan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif menerusi pengedaran soal selidik secara rawak kepada 385 belia di Selangor. Dapatan kajian dianalisis menerusi perisian SPSS secara deskriptif dan inferensi menggunakan analisis min, Ujian-T dan ANOVA sehala. Hasil analisis menunjukkan bahawa tahap literasi atau pengetahuan belia Selangor terhadap pengawasan dan penapisan siber kerajaan adalah berada pada tahap yang sederhana. Manakala, kesedaran belia Selangor berkaitan ini juga berada pada tahap sederhana. Dapatan juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan dalam literasi dan kesedaran belia Selangor mengikut indikator demografi sosial seperti jantina, tahap pendidikan dan kawasan bandar-luar bandar. Implikasi kajian menunjukkan bahawa masyarakat, khususnya belia perlu didedahkan dengan maklumat mendalam tentang pengawasan dan penapisan siber kerajaan. Ia penting bagi memastikan agar tindakan kerajaan ini dilihat positif dan selari dengan tujuannya iaitu untuk menjaga keselamatan nasional, dan bukannya untuk melanggar hak privasi dan kebebasan masyarakat.

Kata kunci: keselamatan siber, pengawasan siber, penapisan siber, literasi, kesedaran, belia.

Abstract

Cybersecurity has become an important component in the defense strategies of many countries, including Malaysia. One of the mechanisms used by the government to ensure cybersecurity is by enhancing cybersurveillance and censorship, such as restricting access to critical websites, monitoring social media accounts, and imposing criminal penalties on those who harass or threaten other online users. Therefore, this study aims to analyze the level of literacy and awareness among youth in Selangor towards cybersurveillance and censorship implemented by the government. The study employed a quantitative method through the random distribution of questionnaires to 385 youth in Selangor. The research findings are analyzed through SPSS software using descriptive and inferential statistical methods, including mean analysis, T-test and one-way ANOVA. The results indicate that the level of literacy or knowledge among Selangor youth regarding the government's cybersurveillance and censorship is at a moderate level. Similarly, the awareness of Selangor youth on this matter is also at a moderate level. The findings also show significant differences in the literacy and awareness of Selangor youth based on social demographic indicators such as gender, education level and urban-rural areas. The implications of the study suggest that society, particularly the youth, needs to be exposed to in-depth information

about the government's cybersurveillance and censorship. It is important to ensure that the government's actions are viewed positively and aligned with its goal of safeguarding national security, rather than violating the privacy and freedoms of the society.

Keywords: cybersecurity, cybersurveillance, cyber censorship, literacy, awareness, youth.

PENGENALAN

Perkembangan teknologi maklumat kini telah meletakkan dunia tanpa sempadan. Kewujudan alam siber banyak mendatangkan faedah bagi membantu pembangunan sesebuah negara terutamanya dalam aspek penyampaian maklumat dan komunikasi. Namun, perkembangan teknologi ini turut memberikan impak negatif terhadap negara dan masyarakat menerusi jenayah siber. Oleh itu, bagi membendung ancaman jenayah siber ini daripada memberi kesan yang lebih buruk kepada negara, kerajaan telah memperkenalkan pelbagai langkah dalam menerapkan amalan keselamatan siber. Menurut Kemmerer (2003), keselamatan siber ialah sebahagian besar daripada kaedah pertahanan yang digunakan untuk mengesan atau mencegah pengganggu yang cuba untuk melakukan sebarang jenayah. Keselamatan siber telah menjadi strategi pertahanan penting kepada banyak negara termasuk Malaysia. Salah satu mekanisme yang digunakan oleh kerajaan untuk memastikan keselamatan siber adalah dengan meningkatkan pengawasan dan penapisan siber dengan cara menyekat laman sesawang kritikal dan mengenakan penalti jenayah terhadap mereka yang mengganggu atau memberi ancaman kepada pengguna lain dalam talian. Menurut Shukla dan Moosavi (2013), penapisan siber boleh didefinisikan sebagai kawalan atau penindasan dari apa yang boleh diakses, dilihat dan diterbitkan di internet. Penapisan siber ini meliputi isu-isu seperti hakcipta, fitnah, gangguan atau buli siber, dan pornografi. Manakala, pengawasan siber pula merujuk kepada pemerhatian yang berfokus, sistematik dan rutin ke atas maklumat peribadi secara maya untuk tujuan meningkatkan pengaruh, pengurusan, perlindungan atau pengesanan (Lyon, 2007).

Pengawasan dan penapisan siber ini dikuatkuasakan mengikut negara. Misalnya, di Malaysia, kerajaan bertindak untuk menggubal akta-akta seperti Akta Hasutan 1948, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Keselamatan dalam Negeri 1960 yang bertujuan untuk menjaga keselamatan siber dan menjaga keharmonian masyarakat. Namun, usaha ini sebenarnya mewujudkan kontroversi dan ketegangan antara masyarakat dengan kerajaan apabila tindakan-tindakan ini dilihat seperti mencerooboh hak privasi individu (Watson & Wright, 2013). Namun, dalam masa yang sama, akta-akta ini adalah penting bagi melindungi dan mengatasi ancaman terhadap keselamatan nasional dan kepentingan awam. Namun, Akta Komunikasi dan Multimedia (CMA) 1998, iaitu seksyen 233 (1) (a) yang mengancam kebebasan bersuara dengan menjatuhkan hukuman jenayah terhadap seseorang yang menggunakan perkhidmatan atau fasiliti rangkaian untuk menyalurkan apa-apa komunikasi yang dianggap sebagai serangan dengan tujuan untuk mengganggu, mengancam dan menganiaya orang lain. Akta ini dilihat oleh belia Malaysia sebagai mekanisme pengawasan. Hukuman yang dijatuhkan juga dianggap sebagai hukuman atas perbezaan pendapat kerana ia sering digunakan terhadap orang awam, terutamanya belia Malaysia. Sebagai contoh, Khalid Ismeth telah didakwa dengan sebelas tuduhan di bawah Seksyen 233 CMA dan tiga tuduhan lain di bawah Seksyen 4 (1) Akta Hasutan kerana menyiarkan komen di *Facebook* yang dikatakan telah menyinggung keluarga diraja Johor dan pasukan polis Malaysia. Kes yang lain pula adalah melibatkan artis grafik dan aktivis Fahmi Reza, yang terkenal dengan penyiaran karikatur mantan Perdana Menteri, Najib Razak sebagai badut dalam media sosial. Disebabkan oleh gambar yang telah tersebar secara meluas di media sosial ini, akaun *Twitter* Fahmi Reza diletakkan di bawah pengawasan pihak polis dan didakwa dengan dua tuduhan berasingan di bawah seksyen yang sama dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda sebanyak RM 50,000 (AS \$ 12,178) jika disabitkan kesalahan.

Terdapat tiga pendekatan atau *school of thoughts* yang berbeza berkaitan dengan pelaksanaan pengawasan dan penapisan siber oleh kerajaan. Pertama, masyarakat sukarela untuk menggadaikan privasi mereka demi meningkatkan tahap keselamatan negara. Dalam erti kata lain, keselamatan diberikan kepentingan yang lebih tinggi berbanding privasi individu (Alfred, 2016). Oleh itu, mereka yang mengutamakan keselamatan ini cenderung untuk mempunyai tingkah laku positif di mana mereka pro-penapisan dan pro-pengawasan siber (Watson & Wright, 2013). Kedua, individu yang sangat

mementingkan privasinya cenderung untuk bersikap skeptikal terhadap pengawasan dan penapisan siber kerajaan (Svenonious & Björklund, 2018). Keutamaan untuk privasi akan mempengaruhi tingkah laku mereka terhadap pengawasan dan penapisan siber, sama ada mereka akan bertoleransi untuk menerimanya atau akan berasa bimbang kerana privasi dapat mengaktifkan penilaian kognitif dan sentimen emosi (Budak et al., 2015). Ketiga, sesetengah orang percaya bahawa perlu ada keseimbangan antara privasi dan keselamatan dalam melaksanakan pengawasan dan penapisan siber ke atas masyarakat (Hagen & Lysne, 2016). Namun, pelaksanaan pengawasan dan penapisan siber ini hanya boleh digunakan bagi menangani kes-kes atau orang-orang tertentu sahaja, tanpa melibatkan keseluruhan masyarakat secara umum.

Oleh itu, kajian ini mempunyai permasalahan yang hendak diselidiki berkaitan dengan tahap literasi dan kesedaran belia terhadap pengawasan dan penapisan siber oleh kerajaan. Adakah belia tahu dan sedar tentang pengawasan dan penapisan siber yang dilakukan oleh kerajaan? Sejauhmanakah pemahaman mereka terhadap isu ini? Hal ini penting untuk dikaji kerana usaha kerajaan dalam memastikan keselamatan negara dengan cara meningkatkan tahap pengawasan berupaya mencetuskan perdebatan sama ada keutamaan perlu diberikan kepada keselamatan awam atau privasi masyarakat. Apabila timbul isu tentang jenayah siber, sensitiviti agama dan perkauman serta ancaman-ancaman lain, masyarakat dilihat perlu mengorbankan privasi untuk keselamatan negara. Adakah terdapat perbezaan signifikan antara jantina, tahap pendidikan dan kawasan bandar-luar bandar dalam tahap literasi dan kesedaran belia Selangor terhadap pengawasan dan penapisan siber?

SOROTAN LITERATUR

Pelaksanaan pengawasan dan penapisan siber oleh kerajaan ini tidak hanya berlaku di Malaysia sahaja, tetapi ianya adalah suatu fenomena global yang berlaku hampir di semua negara. Terdapat tiga kaedah utama yang digunakan untuk mengawasi dan memantau masyarakat di alam siber yang dijadikan sebagai indikator dalam mengukur tahap kebebasan media di sesebuah negara (Freedom House, 2023). Pertama, halangan infrastruktur dan ekonomi untuk mengakses media siber menerusi usaha kerajaan untuk menyekat aplikasi atau teknologi tertentu, undang-undang dan kawalan pemilikan ke atas penyedia akses internet dan telefon mudah alih. Kedua, menerusi kaedah penapisan dan penyekatan laman web, memanipulasi kandungan dan penggunaan media digital untuk aktivisme sosial dan politik. Ketiga, pelanggaran hak pengguna menerusi sekatan ke atas aktiviti dalam talian seperti pendakwaan undang-undang, pemenjaraan, serangan fizikal atau bentuk gangguan lain.

Di negara-negara maju yang merupakan pendokong liberalisme dan hak asasi manusia seperti US dan UK juga tidak terkecuali daripada melaksanakan amalan pengawasan dan penapisan siber ini. Misalnya, pada tahun 2015, mantan Perdana Menteri UK, David Cameron mengumumkan secara terbuka tentang usahanya untuk melarang semua jenis komunikasi yang tidak boleh diakses oleh agensi kerajaan. Kawalan yang dilakukan oleh kerajaan dilihat sebagai satu tindakan yang menyekat kebebasan rakyat. Selain dari US dan UK, negara demokrasi maju seperti Norway juga dilihat menggunakan kawalan dan beberapa sekatan terhadap kebebasan dalam media massa bagi tujuan keselamatan. Menurut Rolland (2008), Norway membuat satu kawalan dengan mengenakan hukuman penjara di bawah Artikel 100 kepada mana-mana individu atau pihak yang mengeluarkan fitnah, khabar angin atau menyebarkan sebarang sentimen kebencian di media massa.

Amalan pengawasan dan penapisan siber di negara yang mengamalkan demokrasi liberal berbeza dengan negara-negara semi demokrasi atau autoritarian (Beyer, 2023). Ini kerana kuasa terletak di tangan pemerintah. Kebebasan awam seperti kebebasan bersuara adalah sangat terhad dan hak asasi manusia juga sering kali disalahgunakan. Misalnya, negara yang menerapkan ideologi komunisme seperti China dan Rusia adalah antara negara yang sering menguatkuasakan pelaksanaan pengawasan dan penapisan siber kepada masyarakat (Andrzejewski et al., 2023). Singapura juga dilihat sebagai sebuah negara bukan demokrasi liberal yang turut membuat beberapa pengawasan dan penapisan siber melalui undang-undang. Kajian Yahya (2017) adalah tentang bagaimana kerajaan Singapura mengawal kebebasan media massa, di mana institusi pemerintah menggunakan kuasa mereka untuk mengawal kebebasan media di Singapura. Menurut George (2012), hukuman penjara akan dikenakan kepada media yang mengkritik kepimpinan dan memburukkan pihak pemerintah. Perkara yang menarik dalam analisis George ialah sikap rakyat Singapura yang tidak melakukan pemberontakan atau sebarang demonstrasi,

meskipun kerajaan Singapura bertindak mengawal ketat kebebasan media. Namun, rakyatnya masih dalam keadaan baik tanpa sebarang protes atau pemberontakan kepada kerajaan. Ini bermaksud rakyatnya menerima pengawasan dan penapisan siber yang dibuat oleh kerajaan bagi mengawal kebebasan bersuara rakyat dan media. Ini kerana, Singapura adalah antara negara yang mempunyai ekonomi yang sangat stabil dan kekal maju di peringkat asia dan antarabangsa setanding dengan negara Jepun dan Hong Kong. Oleh itu, pengukuhan ekonomi juga menjadi satu faktor yang menentukan sama ada rakyat akan bertingkah laku positif atau negatif terhadap kawalan kerajaan ke atas kebebasan bersuara dan media. Ini bermaksud konteks sosioekonomi dan politik sesebuah negara dapat memberi kesan terhadap sikap dan juga pelaksanaan penapisan dan pengawasan internet.

Kajian Yahya (2017) ini dilihat bertentangan dengan hujah Ang & Nadarajan (1996). Ang dan Nadarajan menyatakan bahawa pengawasan dan penapisan siber di Singapura adalah sangat sukar untuk dilaksanakan kerana ia akan mengurangkan kepercayaan masyarakat terhadap sistem itu sendiri. Dalam kes Singapura ini, kerajaannya cuba untuk mengawal maklumat di internet dan dalam masa yang sama mahukan masyarakatnya mendapat faedah dari maklumat terkini di internet. Di Malaysia, situasi yang sama turut berlaku di mana kerajaan mengenakan pelbagai sekatan akta seperti Akta Hasutan, Akta Komunikasi dan Multimedia dalam memastikan keselamatan negara. Namun bezanya di Malaysia, berlaku gerakan protes untuk menghapuskan akta-akta ini, namun ianya tidak berskala besar dan melibatkan keseluruhan masyarakat.

Selain Singapura, terdapat juga kajian yang dijalankan oleh Budak et al. (2011) yang menyelidik sikap masyarakat terhadap pengawasan dan privasi di negara Croatia. Kajian ini menggunakan kaedah kajian tinjauan bagi mengukur pandangan masyarakat Croatia tentang pengawasan siber berdasarkan kepada ciri demografi masyarakatnya. Kajian mendapati bahawa maklumat mengenai keberkesanan pengawasan dan kesedaran mengenai pengawasan, kepercayaan terhadap perlindungan privasi, keprihatinan mengenai privasi CCTV, keprihatinan tentang manipulasi data peribadi dan juga keperluan pengawasan adalah berada pada tahap sederhana. Namun, perbezaan ketara dapat dilihat apabila membandingkan dapatan mengikut faktor usia dan pendidikan. Manakala tiada perbezaan yang signifikan dalam jantina, pekerjaan dan pendapatan isi rumah. Kajian yang dijalankan oleh Budak et al. (2011) turut mendapati bahawa tahap pendidikan dan umur mempengaruhi sikap pengguna terhadap pengawasan dan penapisan di Croatia. Dapatan menunjukkan masyarakat yang berpendidikan tinggi lebih mengambil berat tentang perlindungan data dan privasi. Mereka juga memiliki pengetahuan yang lebih tentang potensi risiko yang bakal dihadapi disebabkan oleh pengawasan dan manipulasi data yang kian meruncing.

Kajian ini juga mendapati bahawa golongan muda cenderung untuk lebih prihatin tentang isu pengawasan berbanding generasi yang lebih berusia yang dilihat lebih menyokong tindakan pengawasan yang diambil kerajaan. Dapatan kajian Budak et al. (2011) ini dilihat tidak selari dengan kajian Friedewald, Van Lieshout dan Rung (2015). Kajian Friedewald, Van Lieshout dan Rung melihat kepada hubungan antara privasi dan keselamatan serta melihat kepada penerimaan masyarakat terhadap pengawasan kerajaan. Dengan menemu bual seramai 1,000 responden melalui panggilan telefon selama 30 minit di semua negara Kesatuan Eropah kecuali Croatia, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sikap masyarakat terhadap pengawasan siber adalah beragam. Dari satu sisi, terdapat masyarakat yang beranggapan bahawa pengawasan merupakan langkah yang tidak berguna untuk meningkatkan keselamatan. Malah, pengawasan hanya mengganggu privasi mereka. Dari sisi lain, terdapat juga masyarakat yang menganggap tindakan pengawasan berguna dari segi keselamatan tetapi turut merasakan bahawa privasi mereka terganggu. Ini bermaksud pengawasan yang dilakukan kerajaan untuk meningkatkan keselamatan akan memberikan risiko kepada privasi. Setiap peningkatan dalam aspek keselamatan pasti akan mengurangkan privasi yang dinikmati oleh masyarakat. Teknologi yang digunakan dalam pengawasan adalah baik untuk keselamatan tetapi berpotensi tinggi untuk mengancam privasi.

Oleh itu, kajian ini mendapati bahawa keselamatan hanya akan dicapai apabila mengorbankan privasi. Friedewald, Van Lieshout dan Rung (2015) juga membuat penelitian mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi orang ramai terhadap privasi dan keselamatan dalam konteks amalan pengawasan berorientasikan keselamatan di mana dapatan kajian mereka menunjukkan faktor-faktor struktur seperti kepercayaan pada institusi yang melaksanakan pengawasan adalah amat penting. Manakala faktor-faktor lain seperti usia, jantina atau wilayah adalah faktor yang kurang penting dalam mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap pengawasan kerajaan. Kekuatan kajian ini ialah

metodologi kajian yang melibatkan ramai responden dari pelbagai negara dalam Kesatuan Eropah. Perkara tersebut akan menghasilkan pandangan dan persepsi yang pelbagai dari setiap warganegara. Kajian ini turut menyatakan mengenai hubungan antara keselamatan dan privasi yang membantu penyelidik untuk mendapatkan pengetahuan yang lebih jelas. Kajian Budak et al. (2011) dan Friedewald, Van Lieshout dan Rung (2015) ini menarik kerana beberapa faktor. Pertama, mereka membincangkan tentang hubung kait antara faktor demografi seperti umur, tahap pendidikan, status ekonomi dan sebagainya dalam mempengaruhi tingkah laku masyarakat terhadap pengawasan dan penapisan siber di negara-negara Eropah termasuk Croatia. Kedua, metodologi yang digunakan adalah komprehensif meliputi kajian lapangan dengan jumlah sampel yang ramai. Oleh itu, kajian empirikal ini mempunyai kesahan data yang tinggi dan memberikan dapatan yang lebih meyakinkan.

Di Malaysia, pengawasan dan penapisan siber oleh kerajaan tidak berbeza dengan amalan di negara bukan demokrasi liberal yang lain. Ini kerana Malaysia boleh dilabel sebagai negara quasi-demokrasi (Zakaria, 1989), semi-demokrasi (Crouch, 1996) atau demokrasi autoritarian (Case, 2002) yang menguatkuasakan undang-undang bagi menyekat kebebasan bersuara dan berpolitik masyarakat. Kawalan akta dan peraturan yang dikenakan ini dilihat menjejaskan demokrasi kerana menyekat kebebasan rakyat untuk bersuara. Bukan itu sahaja, ianya juga dilihat mengurangkan peranan semak dan imbang masyarakat terhadapnya (Yahya, 2017). Oleh itu, dalam konteks Malaysia terdapat kemungkinan bahawa sistem dan sosiopolitik ini berupaya mempengaruhi literasi dan kesedaran belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber. Perkara ini masih lagi belum dibincangkan dalam kajian-kajian sedia ada, khususnya di Malaysia. Kajian-kajian sedia ada lebih memfokuskan mengenai kebebasan media di Malaysia seperti kajian Mohd Azizuddin (2005). Haslinda dan Mohd Mahzan (2019) dan Mohd Azul et al. (2018). Namun kajian yang memfokuskan kepada tingkah laku masyarakat khususnya golongan belia terhadap pengawasan dan penapisan siber oleh kerajaan adalah terhad dan tidak banyak dikaji oleh sarjana.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Penyelidikan ini menggunakan kaedah kuantitatif menerusi kajian tinjauan dengan mengedarkan instrumen soal selidik secara rawak kepada 385 belia di Selangor. Rasionalnya, kaedah tinjauan ini digunakan bagi mendapatkan pandangan dari sampel belia yang luas. Oleh itu, negeri Selangor dipilih sebagai sampel kajian kerana mempunyai jumlah belia yang paling tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain. Sampel ini diambil menerusi kaedah persampelan rawak. Jadual 2 memperincikan taburan demografi responden. Responden terdiri daripada belia yang mempunyai latar belakang berbeza seperti jantina, umur, bangsa, agama, tahap pendidikan, status ekonomi dan daerah. Analisis ini dilakukan berdasarkan kepada nilai kekerapan dan peratusan seperti yang ditunjukkan pada jadual di bawah.

Jadual 1: Taburan demografi responden

Latar belakang responden (n=385)		Kekerapan (n)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	115	29.9
	Perempuan	270	70.1
Umur	15 hingga 18 tahun	89	23.1
	19 hingga 24 tahun	218	56.6
	25 hingga 30 tahun	78	20.3
Bangsa	Melayu	264	68.6
	Cina	22	5.7
	India	36	9.4
	Bumiputera Sabah	48	12.5
	Bumiputera Sarawak	6	1.6
	Lain-lain	9	2.3
Agama	Islam	314	81.6
	Kristian	24	6.2

	Buddha	20	5.2
	Hindu	26	6.8
	Lain-lain	1	3
Tahap pendidikan	SPM dan kebawah	31	8.1
	STPM/Diploma	232	60.3
	Sarjana Muda	107	27.8
	Pascasiswazah	15	3.9
Status ekonomi	Kurang daripada RM1200	226	58.7
	RM1300 hingga RM2500	90	23.4
	RM2600 hingga RM3800	35	9.1
	RM3900 dan ke atas	34	8.8
Daerah	Kuala Langat	16	4.2
	Sepang	18	4.7
	Klang	29	7.5
	Petaling	51	13.2
	Gombak	37	9.5
	Hulu Langat	164	42.8
	Sabak Bernam	34	8.8
	Kuala Selangor	17	4.4
Hulu Selangor	19	4.9	

Jadual 1 menunjukkan profil responden yang melibatkan tujuh indikator demografi iaitu jantina, umur, bangsa, agama, tahap pendidikan, status ekonomi dan daerah di lokasi kajian iaitu Selangor. Seramai 385 orang belia di Selangor telah menjadi responden bagi kajian ini. Melalui jadual diatas, peratus bagi jantina ialah perempuan (70.1%) dan lelaki (29.9%). Bagi umur pula, kategori umur tertinggi didominasi oleh umur 19 hingga 24 tahun (56.6%), diikuti umur 15 hingga 18 tahun (23.1%) dan 25 hingga 30 tahun (20.3%). Bangsa melayu merupakan bangsa yang mempunyai peratusan tertinggi dengan 68.6%, diikuti dengan bumiputera Sabah (12.5%). India (9.4%), Cina (5.7%), lain-lain (9.0%) dan bumiputera Sarawak (1.6%). Peratus tertinggi bagi agama ialah Islam (81.6), diikuti dengan Hindu (6.8%), Kristian (6.2%), Buddha (5.2%) dan lain-lain (3%). Bagi tahap pendidikan, peratusan tertinggi ialah STPM/Diploma dengan 60.3% dan diikuti oleh sarjana muda (27.8%), SPM ke bawah (8.1%) dan pascasiswazah (3.9%). Seterusnya ialah status ekonomi bagi responden kajian ini yang mencatitkan peratus tertinggi adalah belia yang berpendapatan kurang dari RM1200 (58.7%), diikuti dengan pendapatan RM1300 hingga RM2500 (23.4%), RM2600 hingga RM3800 dan RM3900 dan ke atas (8.8%). Terakhir ialah demografi daerah yang terdapat di Selangor, peratusan tertinggi ialah Hulu Langat (42.8%) diikuti dengan Petaling (13.2%), Gombak (9.5%), Sabak Bernam (8.8%), Klang (7.5%), Hulu Selangor (4.9%), Sepang (4.7%), Kuala Selangor (4.4%) dan Kuala Langat (4.2%).

Data yang diperolehi ini dianalisis menggunakan perisian SPSS 27.0 menerusi kaedah analisis deskriptif iaitu analisis skor min, peratusan dan kekerapan serta analisis inferensi menerusi Ujian-T dan ANOVA sehalu. Selain itu, kajian ini juga turut menggunakan data sekunder yang diperolehi daripada buku, jurnal dan tesis yang diperolehi dari pelbagai carian dalam dan luar negara.

DAPATAN KAJIAN

Analisis Min bagi literasi dan kesedaran belia Selangor terhadap pengawasan dan penapisan siber

Jadual 2: Analisis Min bagi literasi belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber

Min literasi belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber. (N = 385)						
Item	TS (%)	TP (%)	S (%)	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
1. Pengawasan siber adalah pemantauan	5.7	24.7	69.6	2.63	0.58	Tinggi
2. Penapisan siber ialah sekatan	7.3	12.7	80.0	2.72	0.58	Tinggi
3. Menjaga keharmonian dan keselamatan	4.7	10.1	85.2	2.80	0.50	Tinggi
4. Mengganggu privasi saya	46.2	31.2	22.6	1.76	0.79	Sederhana
5. Untuk kepentingan politik sahaja	34.8	42.7	21.90	1.87	0.74	Sederhana
6. Tahap kebebasan bersuara di Malaysia	41.3	28.8	29.9	1.88	0.83	Sederhana
7. Peranan belia untuk membawa perubahan	8.8	30.6	60.5	2.51	0.65	Tinggi
Min keseluruhan	2.31 (0.76)				Sederhana	

Jadual 2 menunjukkan nilai min bagi literasi belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber. Secara keseluruhan, literasi belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber berada pada tahap sederhana dengan nilai min 2.31. Hal ini menunjukkan bahawa pengetahuan belia di Malaysia mengenai isu pengawasan dan penapisan siber masih lagi sederhana. Berdasarkan jadual 2, terdapat empat item yang mempunyai interpretasi tinggi iaitu menjaga keharmonian dan keselamatan (min:2.80, s.p:0.50), penapisan siber ialah sekatan (min:2.73, s.p:0.58) dan pengawasan siber adalah pemantauan (min:2.63, s.p:0.58). Manakala item yang mempunyai nilai min yang terendah ialah mengganggu privasi (min: 1.76, s.p: 0.79), untuk kepentingan politik saja (min: 1.87, s.p: 0.74) dan tahap kebebasan bersuara di Malaysia (min: 1.88, s.p: 0.83).

Jadual 3: Analisis Min bagi Kesedaran Belia Malaysia terhadap Pengawasan dan Penapisan Siber

Analisis Min kesedaran belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber. (N = 385)						
Item	TS (%)	TP (%)	S (%)	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
1. Sedang dipantau kerajaan dalam alam siber	7.8	35.1	57.1	2.49	0.63	Tinggi
2. Mengambil tahu pengawasan dan penapisan	15.60	33.8	50.6	2.30	0.73	Tinggi
3. Mengambil tahu isu semasa yang berlaku	2.3	14.8	82.9	2.80	0.45	Tinggi
4. Mementingkan privasi berbanding keselamatan	41.6	28.1	30.4	1.88	0.84	Sederhana
5. Dilihat sebagai tekanan dan penindasan	45.5	32.2	22.3	1.76	0.79	Sederhana
6. Pelaksanaan undang undang seperti akta	4.7	31.9	63.4	2.58	0.58	Tinggi
7. Menimbulkan rasa tidak puas hati	59.0	24.4	16.6	1.57	0.76	Rendah

8. Bertindak menyuarakan pandangan melalui media sosial	39.2	24.9	35.8	1.96	0.86	Sederhana
9. Tidak memberikan impak	21.8	36.1	42.1	2.20	0.77	Sederhana
10. Pengawasan dan penapisan melanggar hak asasi	42.1	37.1	20.8	1.78	0.76	Sederhana
11. Sekatan membuat rakyat kurang percaya	30.9	30.1	39.0	2.08	0.83	Sederhana
12. Munculnya gerakan sosial	14.3	29.1	56.6	2.42	0.72	Tinggi
13. Amalan demokrasi terjejas	34.8	40.3	24.9	1.90	0.76	Sederhana
Min Keseluruhan	2.14 (0.74)					Sederhana

Jadual 3 menunjukkan nilai min kesedaran belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber. Secara keseluruhannya, kesedaran belia berada pada tahap sederhana dengan nilai min 2.14. Ini bermaksud belia di Malaysia mempunyai kesedaran yang sederhana dalam melihat pengawasan dan penapisan siber yang dilaksanakan oleh kerajaan. Antara item yang mempunyai nilai min yang tinggi berdasarkan kepada jadual interpretasi min oleh Sekaran (1992) ialah mengambil tahu isu semasa yang berlaku (min: 2.80, s.p: 0.45). pelaksanaan undang undang seperti akta (min: 2.58, s.p: 0.58) dan sedang dipantau oleh kerajaan (min: 2.49, s.p: 0.63). Manakala item yang mempunyai nilai min yang terendah ialah menimbulkan rasa tidak puas hati (min: 1.57, s.p: 0.76), dilihat sebagai tekanan dan penindasan (min: 1.76, s.p: 0.79) dan item pengawasan dan penapisan melanggar hak asasi (min: 1.78, s.p: 0.76).

Jadual 4: Analisis T-Test berkaitan literasi belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber berdasarkan jantina.

Tingkah laku belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber. (N = 385)			
Item	Min lelaki (n = 115)	Min perempuan (n = 270)	T-Test
1. Pengawasan siber adalah pemantauan	2.52	2.68	0.011** (F - 6.610)
2. Penapisan siber ialah sekatan	2.68	2.74	0.380 (F - 0.267)
3. Menjaga keharmonian dan keselamatan	2.66	2.86	0.000*** (F - 14.071)
4. Mengganggu privasi saya	1.93	1.68	0.005*** (F - 8.112)
5. Untuk kepentingan politik sahaja	2.00	1.81	0.022* (F - 5.292)
6. Tahap kebebasan bersuara di Malaysia	1.80	1.91	0.239 (F - 1.392)
7. Peranan belia untuk membawa perubahan	2.45	2.54	0.205 (F - 1.609)

Petunjuk: ***p \leq 0.001 **p $<$ 0.01 *p \leq 0.05

Jadual 4 di atas menunjukkan analisis Ujian-T mengenai literasi belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber berdasarkan jantina. Terdapat empat item yang signifikan yang

dianalisis menggunakan ujian T. Berdasarkan jadual, didapati terdapat perbezaan yang signifikan ($p > .050$) antara lelaki dan perempuan bagi item pengawasan siber adalah pemantauan (f: 6.610). Bagi item tersebut, perbandingan menunjukkan bahawa majoriti wanita (73.1%) bersetuju bahawa pengawasan siber adalah pemantauan berbanding dengan lelaki (26.9%). Item kedua yang mempunyai perbezaan yang signifikan ialah menjaga keharmonian dan keselamatan negara (f: 14.071), di mana menunjukkan bahawa majoriti wanita (73.5%) bersetuju bahawa pengawasan dan penapisan siber adalah untuk menjaga keharmonian dan keselamatan negara berbanding dengan lelaki (26.5%). Item ketiga yang mempunyai perbezaan signifikan ialah item mengganggu privasi saya (f: 8.112) yang menunjukkan majoriti perempuan (76.4%) tidak bersetuju bahawa pengawasan dan penapisan siber mengganggu privasi berbanding lelaki (23.6%). Seterusnya bagi item yang mempunyai perbezaan signifikan ialah item untuk kepentingan politik sahaja (f: 5.292), yang menunjukkan majoriti perempuan (74.6%) tidak bersetuju bahawa pengawasan dan penapisan siber hanya untuk kepentingan politik sahaja berbanding lelaki (25.4%).

Jadual 5: Analisis Ujian-T berkaitan kesedaran belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber berdasarkan jantina.

Kesedaran belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber. (N = 385)			
Item	Lelaki (%) (n = 115) min	Perempuan (%) (n = 270) min	T-Test
1. Sedang dipantau kerajaan dalam alam siber	2.40	2.52	0.089 (F – 2.913)
2. Mengambil tahu pengawasan dan penapisan	2.37	2.34	0.686 (F – 0.164)
3. Mengambil tahu isu semasa yang berlaku	2.81	2.80	0.730 (F – 0.119)
4. Mementingkan privasi berbanding keselamatan	1.98	1.84	0.152 (F – 2.063)
5. Dilihat sebagai tekanan dan penindasan	1.84	1.73	0.227 (F – 1.461)
6. Pelaksanaan undang undang seperti akta	2.61	2.57	0.503 (F – 0.449)
7. Menimbulkan rasa tidak puas hati	1.75	1.50	0.002*** (F – 9.380)
8. Bertindak menyuarakan pandangan melalui media sosial	2.13	1.89	0.015** (F – 5.960)
9. Tidak memberikan impak	2.27	2.17	0.211 (F – 1.568)
10. Pengawasan dan penapisan melanggar hak asasi	1.87	1.74	0.127 (F – 2.343)
11. Sekatan membuat rakyat kurang percaya	2.13	2.05	0.368 (F – 0.811)
12. Munculnya gerakan sosial	2.46	2.40	0.418 (F – 0.658)
13. Amalan demokrasi terjejas	2.02	1.84	0.037 (F – 4.372)

Petunjuk: *** $p \leq 0.001$ ** $p < 0.01$ * $p \leq 0.05$

Jadual 5 menunjukkan analisis Ujian-T mengenai kesedaran belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber berdasarkan jantina. Terdapat dua item yang signifikan yang dianalisis menggunakan ujian T-test. Berdasarkan jadual, didapati terdapat perbezaan yang signifikan ($p > .050$) antara lelaki dan perempuan bagi item menimbulkan rasa tidak puas hati ($f: 9.380$) yang menunjukkan majoriti perempuan (75.3%) tidak bersetuju bahawa pengawasan dan penapisan siber menimbulkan rasa tidak puas hati berbanding lelaki (24.7%). Item terakhir yang mempunyai perbezaan signifikan ialah item bertindak menyuarakan pandangan melalui media sosial ($f: 5.960$) yang menunjukkan majoriti perempuan (77.5%) tidak bersetuju untuk menyuarakan pandangan mereka di media sosial berbanding lelaki (22.5%).

Jadual 6: Analisis ANOVA berkaitan tingkah laku belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber berdasarkan tahap pendidikan.

Literasi belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber. (N = 385)					
Item	SPM ke bawah (%) (n = 31)	Diploma / STPM (%) (n = 232)	Sarjana Muda (%) (n = 107)	Pascasiswazah (%) (n = 15)	Anova
1. Pengawasan siber adalah pemantauan	2.48	2.64	2.65	2.80	0.340 (F - 1.121)
2. Penapisan siber ialah sekatan	2.70	2.72	2.74	2.66	0.956 (F - 0.107)
3. Menjaga keharmonian dan keselamatan	2.77	2.81	2.78	2.93	0.731 (F - 0.431)
4. Mengganggu privasi saya	1.74	1.81	1.68	1.53	0.320 (F - 1.173)
5. Untuk kepentingan politik sahaja	1.93	1.86	1.90	1.73	0.802 (F - 0.333)
6. Tahap kebebasan bersuara di Malaysia	1.64	1.96	1.85	1.80	0.304 (F - 1.214)
7. Peranan belia untuk membawa perubahan	2.45	2.44	2.69	2.46	0.014*** (F - 3.603)

Jadual 6 menunjukkan analisis ANOVA mengenai tingkah laku belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber berdasarkan tahap pendidikan yang merangkumi empat kategori iaitu SPM dan ke bawah, STPM/Diploma, Sarjana Muda serta Pascasiswazah. Terdapat empat item yang signifikan yang dianalisis menggunakan ujian ANOVA sehala bagi melihat perbezaan literasi belia terhadap pengawasan dan penapisan siber kerajaan mengikut tahap pendidikan. Berdasarkan jadual, didapati terdapat perbezaan yang signifikan ($p > .050$) antara tahap pendidikan bagi item peranan belia untuk membawa perubahan ($f: 3.603$). Bagi item tersebut, perbandingan menunjukkan bahawa majoriti belia yang mempunyai pendidikan Diploma/STPM (76.5%) tidak bersetuju bahawa kerajaan perlu mendengar suara belia kerana memainkan peranan penting untuk membawa perubahan dalam negara berbanding pendidikan SPM dan ke bawah (5.9%).

Jadual 7: Analisis ANOVA sehalah berkaitan kesedaran belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber berdasarkan pendidikan.

Kesedaran belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber. (N = 385)					
Item	SPM ke bawah (%) (n = 31)	Diploma / STPM (%) (n = 232)	Sarjana Muda (%) (n = 107)	Pascasiswazah (%) (n = 15)	Anova
1. Mengambil tahu pengawasan dan penapisan	2.45	2.27	2.44	2.60	0.085 (F - 2.223)
2. Mengambil tahu isu semasa yang berlaku	2.64	2.78	2.85	3.00	0.035* (F - 2.891)
3. Mementingkan privasi berbanding keselamatan	2.06	1.81	1.99	2.00	0.158 (F - 1.741)
4. Dilihat sebagai tekanan dan penindasan	1.74	1.75	1.76	2.00	0.717 (F - 0.450)
5. Pelaksanaan undang-undang seperti akta	2.32	2.60	2.57	2.86	0.016** (F - 3.477)
6. Menimbulkan rasa tidak puas hati	1.45	1.55	1.65	1.60	0.546 (F - 0.711)
7. Bertindak menyuarakan pandangan melalui media sosial	2.22	1.92	2.00	1.73	0.203 (F - 1.543)
8. Tidak memberikan impak	2.45	2.12	2.22	2.66	0.013** (F - 3.661)
9. Pengawasan dan penapisan melanggar hak asasi	2.03	1.80	1.71	1.60	0.154 (F - .760)
10. Sekatan membuat rakyat kurang percaya	2.16	2.12	2.01	1.73	0.259 (F - 1.345)
11. Munculnya gerakan sosial	2.51	2.43	2.39	2.33	0.815 (F - 0.314)
12. Amalan demokrasi terjejas	2.12	1.86	1.95	1.60	0.111 (F - 2.019)

Petunjuk: *** $p \leq 0.001$ ** $p < 0.01$ * $p \leq 0.05$

Berdasarkan jadual 7, terdapat tiga item yang signifikan yang dianalisis menggunakan ujian ANOVA sehalah bagi melihat perbezaan literasi belia terhadap pengawasan dan penapisan siber kerajaan mengikut tahap pendidikan. Terdapat perbezaan yang signifikan ($p > .050$) antara tahap pendidikan bagi item mengambil tahu isu semasa yang berlaku (f: 2.891) yang menunjukkan majoriti belia yang mempunyai pendidikan Diploma/STPM (77.8%) tidak bersetuju bahawa golongan belia mengambil tahu isu semasa yang berlaku di Malaysia berbanding belia pascasiswazah (0%). Seterusnya, item yang mempunyai perbezaan signifikan ialah item pelaksanaan undang-undang (f:3.477) yang menunjukkan majoriti belia yang mempunyai pendidikan diploma/STPM (62.3%) bersetuju bahawa mereka mengetahui pelaksanaan undang-undang seperti Akta Hasutan 1948, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 digunakan sebagai mekanisme kerajaan untuk mengawasi dan menapis maklumat di ruangan siber berbanding belia pascasiswazah (5.3%). Item terakhir yang mempunyai perbezaan signifikan ialah tidak memberikan impak (f: 3.661) yang menunjukkan majoriti belia yang mempunyai pendidikan diploma/STPM (66.2%) tidak pasti bahawa belia di Malaysia tidak

memberikan perhatian terhadap pengawasan dan penapisan siber kerana tidak memberikan apa-apa impak kepada mereka berbanding belia pascasiswazah (0.7%).

Jadual 8: Analisis T-test berkaitan tingkah laku belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber berdasarkan kawasan

Tingkah laku belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber. (N = 385)			
Item	Bandar (n = 315)	Luar Bandar (n = 70)	T-test
1. Pengawasan siber adalah pemantauan	2.62	2.70	0.338 (F - 0.921)
2. Penapisan siber ialah sekatan	2.72	2.74	0.806 (F - 0.060)
3. Menjaga keharmonian dan keselamatan	2.78	2.90	0.080 (F - 3.080)
4. Mengganggu privasi saya	1.79	1.64	0.161 (F - 1.973)
5. Untuk kepentingan politik sahaja	1.90	1.74	0.101 (F - 2.706)
6. Tahap kebebasan bersuara di Malaysia	1.87	1.94	0.528 (F - 0.398)
7. Peranan belia untuk membawa perubahan	2.49	2.62	0.114 (F - 2.507)

Jadual 8 menunjukkan mengenai perbandingan tingkah laku belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber yang dilihat melalui kawasan bandar dan luar bandar. Berdasarkan jadual, tidak terdapat sebarang item yang mempunyai perbezaan signifikan yang dianalisis menggunakan ujian ANOVA sehala yang melihat item dan kawasan.

Jadual 9: Analisis T-test berkaitan kesedaran belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber berdasarkan kawasan.

Tingkah laku belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber. (N = 385)			
Item	Bandar (n = 315)	Luar Bandar (n = 70)	T-test
1. Mengambil tahu pengawasan dan penapisan	2.33	2.42	0.328 (F - 0.961)
2. Mengambil tahu isu semasa yang berlaku	2.79	2.85	0.288 (F - 1.131)
3. Mementingkan privasi berbanding keselamatan	1.88	1.91	0.776 (F - 0.081)
4. Dilihat sebagai tekanan dan penindasan	1.78	1.68	0.332 (F - 0.944)
5. Pelaksanaan undang undang seperti akta	2.57	2.62	0.508 (F - 0.438)
6. Menimbulkan rasa tidak puas hati	1.60	1.47	0.201 (F - 1.640)
7. Bertindak menyuarakan pandangan melalui media social	1.99	1.85	0.245 (F - 1.356)

8. Tidak memberikan impak	2.18	2.28	0.321 (F - 0.986)
9. Pengawasan dan penapisan melanggar hak asasi	1.86	1.45	0.000 (F - 16.567)
10. Sekatan membuat rakyat kurang percaya	2.14	1.78	0.001 (F - 10.993)
11. Munculnya gerakan sosial	2.47	2.20	0.004 (F - 8.187)
12. Amalan demokrasi terjejas	1.94	1.70	0.015 (F - 5.960)

Petunjuk: *** $p \leq 0.001$ ** $p < 0.01$ * $p \leq 0.05$

Jadual 9 menunjukkan mengenai perbandingan tingkah laku belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber yang dilihat melalui kawasan bandar dan luar bandar. Terdapat empat item yang mempunyai perbezaan signifikan yang dianalisis menggunakan ujian ANOVA sehalu yang melihat item dan kawasan. Berdasarkan jadual, item yang signifikan ($p > .050$) ialah pengawasan dan penapisan siber melanggar hak asasi ($f: 16.567$). Bagi item tersebut, perbandingan menunjukkan bahawa majoriti belia di kawasan bandar (93.8%) bersetuju bahawa pengawasan dan penapisan melanggar hak asasi berbanding di kawasan luar bandar (6.2%). Item kedua yang mempunyai perbezaan signifikan ialah sekatan membuat rakyat kurang percaya ($f: 10.993$) yang menunjukkan majoriti belia di kawasan bandar (87.3%) bersetuju bahawa sekatan yang dilakukan oleh kerajaan membuat rakyat kurang percaya berbanding belia di kawasan luar bandar (12.7%). Seterusnya, item yang mempunyai perbezaan signifikan ialah munculnya gerakan sosial ($f: 8.187$) yang menunjukkan majoriti belia di kawasan bandar (84.9%) setuju bahawa sekatan kepada rakyat akan membuka ruang kepada munculnya gerakan sosial seperti gerakan anak muda yang inginkan perubahan berbanding belia di kawasan luar bandar (15.1%). Item terakhir yang mempunyai perbezaan signifikan ialah amalan demokrasi terjejas ($f: 5.960$) yang menunjukkan majoriti belia di kawasan bandar (87.5%) bahawa pengawasan dan penapisan siber akan membuat sistem amalan demokrasi terjejas berbanding belia di kawasan luar bandar (12.5%).

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Secara keseluruhan, literasi dan kesedaran belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber berada pada tahap sederhana. Pengawasan dan penapisan siber dilihat tidak memberikan impak yang besar dalam kehidupan belia. Hasil dapatan menunjukkan bahawa belia di Malaysia mempunyai tiga tingkah laku berbeza iaitu pro pengawasan dan penapisan siber, anti terhadap pengawasan dan penapisan siber serta golongan yang bersikap *neutral*. Tambahan pula, dapatan kuantitatif menunjukkan ramai belia yang bersetuju bahawa pengawasan dan penapisan siber dilaksanakan bagi tujuan menjaga keharmonian dan keselamatan negara. Malah, belia Malaysia juga tidak merasakan bahawa pengawasan dan penapisan siber ini mengganggu privasi dan hak asasi mereka.

Kajian yang dijalankan oleh Budak et al. (2011) mendapati bahawa faktor demografi seperti umur, jantina atau wilayah adalah faktor yang kurang penting dalam mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap pengawasan kerajaan. Namun demikian, kajian ini menunjukkan terdapat hubung kait antara faktor demografi dalam mempengaruhi tingkah laku belia Malaysia. Sebagai contoh, belia di kawasan bandar dilihat bersetuju bahawa pengawasan dan penapisan siber mengganggu privasi dan hak asasi berbanding belia di kawasan luar bandar. Belia di kawasan bandar juga bersetuju bahawa pengawasan dan penapisan siber boleh menyebabkan amalan demokrasi terjejas berbanding belia di luar bandar. Selain faktor kawasan, faktor demografi lain seperti tahap pendidikan juga turut mempengaruhi tingkah laku belia. Belia yang berada di peringkat sarjana muda bersetuju bahawa belia memainkan peranan penting dalam membawa perubahan kepada negara jika dibandingkan dengan belia yang mempunyai pendidikan SPM dan ke bawah. Tambahan pula, belia yang mempunyai pendidikan di peringkat sarjana muda lebih peka dan mengambil tahu mengenai isu-isu semasa negara jika dibandingkan dengan belia yang berada di peringkat pendidikan SPM dan ke bawah.

Belia di kawasan bandar lebih terdedah dengan maklumat dari alam siber disebabkan faktor capaian internet yang lebih baik dibandingkan dengan belia di kawasan luar bandar. Bagi faktor demografi iaitu pendidikan pula menunjukkan bahawa belia yang mempunyai pendidikan tinggi cenderung untuk bersikap anti kepada pengawasan dan penapisan siber disebabkan mereka lebih terdedah dengan maklumat berkaitan siber. Apabila seseorang belia mempunyai pengetahuan yang baik terhadap pengawasan dan penapisan siber, ianya sekali gus akan mempengaruhi pemikiran dan tindakan belia tersebut. Faktor demografi iaitu kawasan dan juga tahap pendidikan dilihat mempunyai hubungkait yang signifikan terhadap tingkah laku belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber. Manakala, faktor demografi yang lain seperti jantina dan umur dilihat tidak mempunyai hubungkait yang signifikan dengan tingkah laku belia terhadap pengawasan dan penapisan siber yang dijalankan oleh kerajaan.

Dapatan juga menunjukkan bahawa majoriti belia bersetuju bahawa sekatan yang dilakukan oleh kerajaan mewujudkan sifat kurang yakin dan kurang percaya rakyat terhadap kerajaan. Dapatan ini dilihat selari dengan kajian Friedewald, Van Lieshout dan Rung (2015) yang menyatakan bahawa faktor-faktor struktur seperti kepercayaan pada institusi yang melaksanakan pengawasan adalah penting. Kerajaan merupakan tumpuan utama dalam melaksanakan pengawasan dan penapisan siber yang memberi pengaruh besar terhadap tingkah laku belia. Kajian ini mempunyai andaian awal iaitu ketidakpercayaan yang tinggi terhadap institusi adalah antara faktor utama yang mempengaruhi tingkah laku belia. Andaian yang bersandarkan hujah Druzin dan Gordon (2018) tersebut dilihat selari dengan dapatan kajian di mana kerajaan yang tidak dapat menunjukkan kepimpinan yang baik boleh menjejaskan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan. Tindakan kerajaan melaksanakan pengawasan dan penapisan siber ini mendatangkan pelbagai reaksi daripada rakyat. Reaksi yang diberikan adalah berbeza-beza berdasarkan pandangan dan justifikasi rakyat. Terdapat banyak kepentingan yang menyebabkan kerajaan melaksanakan pengawasan dan penapisan siber. Antara kepentingan pengawasan dan penapisan siber ialah menjaga keselamatan negara, menjaga keharmonian masyarakat yang berbilang kaum dan mencegah gerakan yang kritikal seperti terrorisme. Jenayah siber yang banyak berlaku pada masa kini dilihat membimbangkan ramai pihak. Secara keseluruhan, literasi dan kesedaran belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber berada pada tahap sederhana. Belia di Malaysia dilihat tidak mempunyai literasi dan kesedaran yang tinggi dalam melihat isu ini dan ianya berkait dengan faktor demografi sosial seperti jantina, pendidikan dan kawasan bandar-luar bandar.

KESIMPULAN

Rumusannya, usaha dan inisiatif dari kerajaan dan badan bukan kerajaan adalah sangat penting bagi memastikan belia di Malaysia mempunyai tahap pengetahuan dan kesedaran yang tinggi terhadap pengawasan dan penapisan siber. Ia bagi memastikan belia memahami dengan lebih jelas mengapa kerajaan melaksanakan pengawasan dan penapisan siber bagi tujuan menjaga keselamatan nasional dan keharmonian masyarakat. Oleh itu, kerajaan perlu merangka beberapa inisiatif penting, antaranya ialah dengan menguatkuasakan undang-undang kawalan sedia ada seperti Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA), Akta Hasutan 1948 serta Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, memperkenalkan pendidikan keselamatan siber secara formal dan bukan formal sama ada menerusi pendidikan di sekolah, aktiviti kokurikulum, ceramah atau kempen kesedaran serta melaksanakan kajian-kajian menyeluruh bagi menambah baik tindakan pengawasan dan penapisan siber kerajaan ini.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada penyelidikan yang dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental FRGS/1/2020/ SS0/UPSI/02/07 (Kod: 2020-0226-106-102) dan disokong oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris.

RUJUKAN

- Alfred, D. (2016, 03 Mac) National Security 'More Important' than Privacy. <https://www.cigionline.org/articles/national-security-more-important-privacy>
- Andrzejewski, C., Horigoshi, A., Maher, A. I., & Solis, J.A. (2023). *Innovators and emulators: China and Russia's compounding influence on digital censorship*. Washington D.C: International Republican Institute.
- Ang, P. H., & Nadarajan, B. (1996). Censorship and the Internet: A Singapore perspective. *Communications of the ACM*, 39(6), 72-78. https://dl.acm.org/doi/abs/10.1145/228503.228520?casa_token=CedwO0xNNhAAAAA:ipIFZWK0kLlAX3wo_OOUlpf_G3w56Nujmu3dK7-DmU1PvbGtA6WfYfHSM0_-wvh9AIcgYlqGRGg008c.
- Beyer, J. L. (2023). *The politics of cybersecurity and the global internet*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Budak, J., Anić, I. D., & Rajh, E. (2011). Public attitudes towards surveillance and privacy in Croatia. *Radni materijali EIZ-a*, 1, 5-24. https://hrcaj.srce.hr/index.php?show=clanak&id_clanak_jezik=106614.
- Case, W. (2002). *Politics in Southeast Asia: democracy or less*. London: RoutledgeCurzon.
- Crouch, H. (1996). *Government and society in Malaysia*. Ithaca: Cornell University Press.
- Druzin, B., & Gordon, G. S. (2018). Authoritarianism and the internet. *Law & Social Inquiry*, 43(4), 1427-1457.
- Freedom House. (2023). *Malaysia: Freedom in the world 2023 Country Report*. <https://freedomhouse.org/country/malaysia/freedom-world/2023>.
- Friedewald, M., Van Lieshout, M., & Rung, S. (2015, August). *Modelling the relationship between privacy and security perceptions and the acceptance of surveillance practices*. In IFIP International Summer School on Privacy and Identity Management (pp. 1-18). Springer, Cham. https://link.springer.com/chapter/10.1007/978-3-319-41763-9_1
- George, C. (2012). *Freedom from the press: Journalism and state power in Singapore*. NUS Press.
- Hagen, J., & Lysne, O. (2016). Protecting the digitized society—the challenge of balancing surveillance and privacy. *The Cyber Defense Review*, 1(1), 75-90. Retrieved July 28, 2021, from <http://www.jstor.org/stable/26267300>.
- Haslinda, A. B., & Mohd Mahzan, A. (2019). Prosiding seminar antarabangsa pendidikan bahasa, sastera dan budaya melayu kedua. "Media sosial dan isu kesedaran dan pengawasan keselamatan dalam kalangan belia luar bandar di daerah Daro. <https://sted18.files.wordpress.com/2018/12/1-5-haslina-abu-bakar-mohd-mahzan-awang.pdf>.
- Kemmerer, R. A. (2003). Cybersecurity. In 25th international conference on software engineering, 2003. *Proceedings*. (pp. 705-715). IEEE.
- Lyon D. (2007). *Surveillance studies: An overview*. New York: Polity Press.
- Mohd Azizuddin, M, S. (2005). Media freedom in Malaysia. *Journal of Contemporary Asia*, 35(3), 341-367.
- Mohd Azul, M, S. Mohd Yusof, A., & Ahmad Sauffiyan, A, H. (2018). Kesedaran dan pengetahuan terhadap keselamatan dan privasi melalui media sosial dalam kalangan belia. *e-Bangi*, 14(3).
- Rolland, A. (2008). The Norwegian media ownership act and the freedom of expression. *International Journal of Media & Cultural Politics*, 4(3), 313-330.
- Shukla, V. K., & Moosavi, S. (2013). *Role of censorship, privacy, and laws in internet*. https://www.researchgate.net/publication/315669405_Role_of_Censorship_Privacy_and_Laws_in_INTERNET.
- Svenonius, O., & Björklund, F. (2018). Explaining attitudes to secret surveillance in post- communist societies. *East European Politics*, 34(2), 123-151, DOI: 10.1080/21599165.2018.1454314.
- Watson, H., & Wright, D. (2013). *Report on Existing Surveys*. Deliverable 7.1, PRISMS Project. Karlsruhe: Fraunhofer Institute for Systems and Innovation Research I
- Yahya, A, R. (2017). Impak kawalan negara terhadap kebebasan media di Malaysia (Impact of state control on media freedom in Malaysia). *e-Bangi*, 14(7). <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/22741>.
- Zakaria, A. (1989). Malaysia: Quasi democracy in a divided Society. In Larry, D., Juan, J. L & Seymour M. L (eds.). *Democracy in developing countries: Asia*. Boulder Colo: Lynne Rienner.